

D882

U 8930 AAB
MAHATHIR

JITRA, 28 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN MERANCANG UNTUK MENAMBAK LAUT SELEBAR 3.2KM DARI PANTAI DI SEPANJANG PANTAI BARAT SEMENANJUNG DARI PERLIS HINGGA KE JOHOR, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA KERAJAAN SEDANG BERUNDING DENGAN AGENSI KERJASAMA ANTARABANGSA JEPUN (JICA) BAGI MEMINTA AGENSI ITU MENJALANKAN KAJIAN KEMUNGKINAN UNTUK RANCANGAN MENEBUS GUNA LAUT ITU.

RANCANGAN ITU DILULUSKAN OLEH KABINET BARU-BARU INI DAN TANAH YANG DITEBUS GUNA ITU DICADANGKAN UNTUK MENEMPATKAN KAWASAN PERINDUSTRIAN, KATANYA.

IA AKAN DILAKSANAKAN SEBAIK-BAIK SAHAJA KAJIAN OLEH JICA ITU SELESAI, TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH JITRA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RANCANGAN ITU MERUPAKAN RANCANGAN JANGKA PANJANG YANG AKAN DIJALANKAN BERPERINGKAT-PERINGKAT DAN MUNGKIN MENGAMBIL MASA HINGGA 30 TAHUN UNTUK DISIAPKAN, -- LAGI.
1334MST 28 08 89

D890

U B938 DEB
MAHATHIR 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RANCANGAN UNTUK MENAMBAH KELUASAN TANAH ITU MERUPAKAN LANGKAH PERSEDIAAN UNTUK KEMUDAHAN GENERASI AKAN DATANG, MEMANDANGKAN PENDUDUK MALAYSIA KIAN BERTAMBAH DAN JUMLAHNYA KINI MENJANGKAU ANGKA 17.2 JUTA ORANG.

BELIAU BERKATA PERTAMBAHAN PENDUDUK NEGARA DIANGGARKAN KIRA-KIRA 3401000 ORANG SETAHUN ATAU KIRA-KIRA SEJUTA ORANG BAGI SETIAP TIGA TAHUN.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIAN, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SEBAHAGIAN DARIPADA RANCANGAN ITU MUNGKIN DISWASTAKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN MEMILIH PANTAI BARAT SEMENANJUNG KERANA KAWASAN LAUTNYA CETEK.

KETIKA DITANYA, BELIAU BERKATA, RANCANGAN PALING AWAL MUNGKIN DILAKSANAKAN DI SELANGOR KERANA NEGERI ITU SUDAH KEHABISAN TANAH PERINDUSTRIAN. -- LAGI.

1353MST 28 08 89

D891

U 6939 DEB
MAHATHIR 3 JITRA

KERAJAAN PERLIS SEBELUM INI TELAH MENGUMUMKAN RANCANGANNYA UNTUK MENEBUS GUNA TANAH SEPANJANG PANTAI DARI KUALA PERLIS KE KUALA SANGLANG SELUAS LEBIH 41000 HEKTAR.

DI KEDAH, RANCANGAN UNTUK MENEBUS GUNA KAWASAN LAUT SEPANJANG PANTAI KUAH DI LANGKAWI JUGA DILULUSKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENAMBAH, KAWASAN YANG DITEBUS GUNA ITU, SELAIN DARIPADA UNTUK DIJADIKAN KAWASAN PERINDUSTRIAN, IA JUGA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG, SEKOLAH DAN LAIN-LAIN. -- BERNAMA.

1354MST 28 08 89

D900